

Headline	Salahuddin mahu perkasa pertanian negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	446 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,815
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,445



Salahuddin mahu perkasa pertanian negara

5 SOALAN

SOALAN : Adakah YB mahu teruskan usaha mengekspor sarang burung walet dan durian musang king ke China? Bagaimana pula dengan pengajuran Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia 2018 (MAHA 2018)?

Secara prinsipnya tidak ada masalah hendak teruskan program yang telah dilaksanakan menteri terdahulu, segala yang baik akan saya berikan penambahbaikan yang ada kekurangan kita akan baiki supaya semua pogram bawah kementerian ini mencapai matlamat disasarkan.

Itulah asas kepada cara saya bekerja, saya mahu setiap peruntukan, setiap bajet, setiap program di bawah kementerian ini mesti sampai kepada kumpulan sasar. Saya tak mahu isu politik menggagalkan atau merencatkan matlamat kementerian.

Siapa pun yang datang minta projek termasuk dari PAN yang baik dengan saya, maka pegawai saya akan lihat kertas cadangan. Saya akan pastikan pegawai-pegawai di peringkat akar umbi, bahagian dan daerah menilai mereka, kalau kononnya nak ambil kesempatan sebab kita berkuasa sekarang, tidak. Saya tidak amalkan prinsip itu. Insyallah, doakan saya.

Adakan kerajaan mahu tingkatkan pengeluaran hasil sayur-sayuran dan buah-buahan serta padi?

Ada yang berjaya seperti mangga harumanis, belimbing, manggis dan cili tetapi perlu diperhebatkan

MUKADIMAH SALAHUDDIN AYUB dilantik sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, sebuah kementerian yang dianggap penting kerana berhubung rapat dengan rakyat terutamanya petani, penternak dan nelayan.

Berikut adalah temu ramah wartawan **NORLIZA ABD. RAHMAN** bersama beliau untuk mengupas misi dan visi yang akan dilakukannya apabila diamanahkan menerajui kementerian tersebut.

lagi kerana hanya melibatkan buah-buahan dan sayur tertentu. Kita ketinggalan jauh dari Thailand. Ya, ini yang harus kita lihat sedangkan MARDI melakukan banyak penyelidikan dan pembangunan (R&D) namun kenapa tanaman sayur dan buah-buahan gagal dikomersialkan apatah lagi tahap hendak diekspor.

Kita harus lihat FAMA yang sepatutnya buat pemasaran tapi apa yang tidak kena, adakah peruntukan tak cukup, adakah karenah birokrasi. Saya yakin kalau fokus pada satu-satu bidang dan diberi bantuan sepenuhnya kita boleh tingkatkan.

Tanaman durian musang king dilakukan secara dalam skala kecil dan diusahakan secara persendirian oleh pemilik dusun. Kepada yang berminat akan dibantu dari segi inovasi, baja, subsidi, pembungkusan, pelabelan dan aspek keselamatan makanan supaya menepati kehendak pasaran dunia.

Berhubung tanaman padi, saya juga mahu lihat apa yang tidak kena. Sudah 60 tahun tetapi beras masih diimport, ini juga akan jadi keutamaan. Peranan Padi dan Beras Nasional (Bernas) juga akan disemak semula.

Adakah negara China tetap menjadi sasaran untuk pasaran produk?

Ya, sudah tentu kerana boleh bawa banyak keuntungan kepada negara. Dalam tempoh tertentu kita

akan tingkatkan eksport terutamanya musang king dan sarang burung.

Keluaran juga perlu ditingkatkan dan kita akan beri insentif dalam bentuk modal atau teknologi, ini sangat penting untuk tingkatkan produktiviti. Sekarang ini ramai yang usahakan tanaman secara persendirian macam tanaman durian musang king.

YB mahu perkasakan semula NFC (Pusat Fidlot Kebangsaan)?

Dua minggu lagi akan dibawa ke mesyuarat Kabinet untuk penelitan Perdana Menteri. Kalau diluluskan projek itu akan dibangunkan kembali di tanah-tanah satelit di Negeri Sembilan, Segamat dan Muar di Johor.

Minggu depan saya akan jumpa Menteri Besar Johor untuk bincangan perkara ini, ada yang cadangkan nama NFC ditukar, itu kemudianlah tak kisah asalkan projek ini dapat dibangunkan.

Dengan peruntukan secukupnya kita dapat capai serampang dua tiga mata untuk bangunkan lebih ramai penternak muda, saya yakin akan capai sasaran.

Bagaimana dengan lantikan politik dalam agensi dibawah kementerian?

Manifesto kita jelas, pelantikan ahli lembaga pengarah mesti ada mekanisme jelas. Kena bebas mufis, tiada rekod jenayah serius



Segala yang baik akan saya berikan penambahbaikan yang ada kekurangan kita akan baiki supaya semua pogram bawah kementerian ini mencapai matlamat disasarkan."

SALAHUDDIN AYUB
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

dan berkepakaran.

Saya tak nak kawan-kawan politik jadikan kementerian ini lubang untuk ambil kesempatan dan sarang untuk mereka buat penyelewengan. Kita perlu tukar benda-benda ini, kalau sama juga macam yang sudah 60 tahun, mungkin pilihan raya umum akan datang orang akan campak kamu dalam Laut China Selatan.